KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	20.06.22	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	PERHILITAN			

Anjing dikatakan harimau putih

Rawang: Anjing disangkakan harimau hingga mencetuskan panik orang ramai dan pengunjung pusat rekreasi Sungai Choh di sini.

Itu yang berlaku apabila Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Selangor menerima aduan kononnya harimau putih muncul di lokasi itu sebelum visual 'harimau' dikongsi di media sosial.

Pengarah Perhilitan Selangor Dennis Ten Choon Yung berkata, pihaknya segera menjalankan siasatan di lokasi kejadian jam 3.15 petang kelmarin susulan maklumat diterima.

"Siasatan mendapati tiada kesan kehadiran harimau putih seperti didakwa dan tular di media sosial sebelum ini.

"Selain itu, penduduk setempat menafikankan dakwaan kewujudan hidupan liar berkenaan," katanya, semalam.

Kelmarin, tular di media sosial video memaparkan seorang wanita merakam kelibat haiwan dipercayai harimau ketika mandi di sungai berkenaan.

Video itu mendapat pelbagai reaksi netizen dengan rata-ratanya memaklumkan ia hanya anjing dan bukan harimau putih.